

Menjejak dan Memelihara Teras-Teras Melayu

Oleh:

Tun Suzana Tun Hj Othman
Pertubuhan Kesedaran Melayu & Islam (KEMUDI)

Menjejak dan Memelihara Teras-Teras Melayu

Apabila faktor etnik tidak lagi menjadi teras induk kepada pengkelasan orang-orang Melayu mengikut Perlembagaan Persekutuan, tetapi digantikan dengan faktor *'Melayu adalah seorang yang menganut Islam, lazimnya bercakap Bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu'*, yang mana setiap satu daripada faktor di atas perlu dikelaskan lebih lanjut mengikut takrifan yang spesifik serta mempunyai kebelenturan dan dinamismenya yang tersendiri tanpa mengubah teras-teras utama yang bersifat mutlak, maka Melayu mempunyai potensi untuk terus hidup, relevan dan cemerlang bagi masa-masa yang akan datang

Bagi menjamin kesinambungan survivalisme Melayu terutamanya dalam menghadapi cabaran-cabaran sezaman dengan perubahan-perubahan pada lanskap politik, agama dan sosio-budaya setempat, malahan dinamisme sains dan teknologi, kita perlu dapat membezakan apa yang bersifat relatif dan mutlak, teras Melayu mana yang perlu adaptasi dan mana yang perlu tetap. Dan kita perlu tahu bahawa yang relatif itu perlu selamanya bersandarkan kepada yang mutlak.

Dalam hal ini kita perlu memisahkan unsur-unsur yang mutlak dari yang relatif. Nilai mutlak (*absolute*) yang dimaksudkan di sini ialah meluasnya penerimaan sesuatu nilai dalam semua waktu dalam sejarah, ada yang bersifat khusus/lokal dan ada pula yang bersifat umum/universal. Sedangkan yang relatif itu adalah manifestasi dari nilai yang mutlak itu, yang terzahir pada budaya dan masyarakat yang berbeza, bukan intisari dari nilai itu.

Contoh pertama; tujuan pengangkutan adalah untuk membawa sesuatu dari tempat A ke destinasi B. Namun jenis pengangkutan yang digunakan adalah berbeza mengikut keadaan, tempat dan waktu, samada berjalan kaki, menaiki bot, menaiki gajah, menunggang kuda, menaiki kereta, kapal laut, kapal terbang dan sebagainya

Maka di sini tujuan pengangkutan bersifat mutlak yang umum/universal, namun manifestasinya bersifat relatif, iaitu jenis pengangkutan untuk membawa sesuatu dari tempat A ke destinasi B adalah disesuaikan mengikut masa, tempat dan keadaan.

Contoh kedua, tujuan berdakwah adalah untuk membawa manusia kepada ajaran dan amalan agama Islam. Sedangkan manifestasinya berbeza, iaitu seseorang boleh berdakwah melalui lisan, penulisan, akhlak yang baik, azan, pendidikan, pemakaian dan sebagainya. Malahan medium untuk berdakwah juga boleh dibuat berbagai cara, ada yang dibuat oleh pendakwah yang bergerak dari rumah ke rumah, ada yang buat melalui ceramah dan pengajian pada saluran TV dan radio, malahan pada hari ini medium dakwah telah menular ke peringkat internet.

Oleh itu tujuan dakwah itu bersifat mutlak yang umum/universal, iaitu membawa manusia kepada ajaran dan amalan Islam, sedangkan menifestasi dan medium dakwah berbeza mengikut kesesuaian keadaan, masa dan tempat.

Contoh ketiga, persenjataan yang digunakan dalam peperangan untuk melawan musuh serta melindungi diri. Menifestasinya berbeza, jikalau dahulu orang Melayu menggunakan keris, parang dan tombak, maka hari ini kita menggunakan senjata-senjata moden seperti pistol dan senapang.

Oleh itu tujuan persenjataan adalah bersifat mutlak yang umum/universal, sedangkan menifestasinya bersifat relatif, iaitu berbeza mengikut perubahan masa dan keadaan.

Contoh keempat, pakaian yang memenuhi tuntutan syariat, iaitu menutup aurat dan bersopan. Menifestasinya berbeza, dalam solat memakai telekung, apabila berekreasi memakai tee-shirt labuh, bertudung dan berseluar panjang, Hari Raya memakai baju kurung dan bertudung, pada majlis agama memakai jubah¹.

Oleh itu tujuan pakaian wanita Muslimat adalah menutup aurat dan bersopan, dan ini bersifat mutlak yang umum/universal, sedangkan menifestasinya berbeza sekali lagi.

Bagaimanapun sesetengah amalan tetap bersifat mutlak walau apapun masa, tempat dan keadaannya. Yang dimaksudkan dengan mutlak di sini adalah berdasarkan penerimaan secara ijma' (iaitu keseluruhan, tiada bertentangan pendapat) antara alim-ulama muktabarah seluruh dunia pada semua waktu dalam sejarah. Contohnya sesetengah amalan fekah adalah bersifat mutlak, bermakna dalam situasi apapun, kaedahnya telah ditetapkan dalam syariat seperti solat, puasa, mandi wajib, amalan haji, persoalan aurat dan sebagainya. Kebelesuran sesuatu amalan itu, contohnya solat fardhu dalam kecemasan juga adalah mengikut panduan yang telah ditetapkan secara ijma'. Caranya tetap sama dari zaman Rasulullah SAW sehingga menjangkau Hari Kiamat nanti.

Begitu juga sesetengah daripada amalan-amalan sunnat seperti tahlil, ratib, talkin, maulid dan sebagainya, semuanya telah digariskan oleh alim-ulama dahulukala, yang mana amalannya sama dari dahulu, hari ini dan untuk masa-masa yang akan datang.

¹ Contohnya bunga rampai sebagai pengharum dan penyeri majlis keramaian, istilah dan peranannya sama, tetapi orang Melayu di Malaysia menggunakan daun pandan yang dihiris halus, sedangkan Melayu Capetown menghiris daun limau kerana di Afrika Selatan tidak ada daun pandan. Begitu juga dengan sambal belacan yang dimakan sebagai pembuka selera, walaupun namadan peranannya sama, tetapi orang Melayu Malaysia menumbuk cili merah dengan belacan, sedangkan Melayu Capetown meumbuk cili merah dengan buah pir.

Ringkasnya unsur yang bersifat mutlak adalah seperti berikut;

- i. Aqidah dan Syariat; contohnya beriman, bersolat, berpuasa, mandi wajib, aurat dsbnya.
- ii. Amalan-amalan sunnat contohnya solat sunat, puasa sunat, tahlil, ratib, talkin, maulid dsbnya.
- iii. Nilai agama seperti taqwa, sabar, redha, tawakkal, berbaik sangka, ikhlas, adil dan sebagainya.
- iv. Nilai-nilai baik yang bersifat universal seperti disiplin, professional, menepati janji, sivik, berbelas kasihan kepada golongan yang lemah, perasaan hormat menghormati dan sebagainya.
- v. Nilai-nilai jahat dan tercela yang bersifat universal seperti kejam, membunuh tanpa sebab, menipu, mengkhianat, memaki hamun, merogol, mendera, malas dan sebagainya

Identiti bangsa Melayu seharusnya berpegang pada teras-teras penting yang bersifat mutlak, iaitu tidak berubah-ubah walau apapun keadaannya contohnya seperti berikut;

- i. Beragama Islam
- ii. Beramal dengan amalan-amalan keagamaan seperti bertahlil, berzikir, beratib, bermaulid, bermarhaban, berkhatam quran, bertadarrus dan berkenduri-kendara.
- iii. Beramal dengan nilai-nilai murni yang berteraskan ciri rohaniyyat Islam seperti budiman, budi pekerti, balas budi, adab, sabar, sopan santun, berhikmah, berhemah, setia, takzim, hormat dan banyak lagi.
- iv. Berperadaban serta beradat resam tempatan yang berteraskan ciri rohaniyyat Islam seperti adab memuliakan orang tua, tidak meninggikan suara kepada mereka, cium tangan dan tunduk apabila lalu di hadapan mereka, anak dara perlu bersopan dan tertib.
- v. Memuliakan umara, ulama dan keturunan Rasulullah SAW seperti yang dituntut agama. Menziarahi makam wali-wali, berdoa dengan tawasul mereka seperti yang digalakkan oleh ajaran Islam fahaman Ahlus Sunnah Wal Jamaah.
- vi. Berpakaian Melayu yang berfungsi menutup aurat, bersopan, selesa dan melambangkan kesenian Melayu.

- v. Berbahasa Melayu yang berfungsi sebagai pemersatu masyarakat dari berbagai lapisan dan kaum, serta mendaulatkan Islam melalui penggunaan istilah-istilah Arab fusha yang dipinjamkan ke dalam istilah-istilah Melayu.
- vi. Memelihara dan menjunjung Institusi Raja-raja Melayu yang berfungsi sebagai tonggak pelindung identiti bangsa dan agama
- vii. Mendidik umat Melayu kepada kedua-dua aspek duniawi dan ukhrawi, jasmani dan rohani. Mengseimbangkan keperluan dan kepentingan antara keduanya

Jika ditinjau pada realiti kehidupan masyarakat Melayu hari ini, kita sebenarnya telah gagal untuk menepatkan kebelenturan ciri-ciri bangsa ini tanpa melupakan teras-teras pentingnya. Iaitu mengubahsuai aspek-aspek kemelayuan mengikut peredaran zaman, namun tetap dibataskan dalam kerangka yang sepatutnya, iaitu pada unsur-unsurnya yang mutlak.

Apa yang berlaku adalah sebaliknya, iaitu tragedi pelupusan unsur-unsur serta nilai-nilai yang bersifat teras-teras penting kepada bangsa ini. Malahan berlaku tragedi pencabulan teras induk iaitu spiritualisme Melayu.

Contohnya dari aspek politik, pemakaian/busana, bahasa, pemakanan dan pendidikan, kita lebih cenderung untuk meniru ciri-ciri budaya barat sehingga mencabuli nilai-nilai Islam dan aspek-aspek spiritualisme yang suatu masa dahulu pernah menjadi intisari kepada aspek-aspek kemelayuan bangsa ini.

Mengapa wanita-wanita Melayu hari ini lebih selesa mengenakan fesyen barat yang mendedahkan aurat, menampakkan bentuk tubuh badan yang menggiurkan dan fesyen-fesyen yang tidak bersopan? Walhal bukan tidak boleh direka busana Melayu Muslimah yang selesa, bergaya, anggun, mengikut peredaran zaman tanpa menghilangkan fungsi mutlaknya untuk menutup aurat dan bersopan?

Mengapa Bahasa Melayu tidak lagi berperanan sebagai pemersatu bagi segenap lapisan masyarakat dari berbagai kaum? Mengapa dalam ikhtiar kita memperkembangkan istilah-istilah Melayu, kita lebih cenderung meminjam dari bahasa Inggeris berbanding bahasa Arab fusha sebagai menunjukkan sikap kita memuliakan bahasa al-Quran, iaitu bahasa wahyu? Kita boleh faham jikalau sesetengah daripada istilah ini sememangnya berasal dari barat seperti Ilmu Sains dan Teknologi seperti komputer, video, cyber, blog dan sebagainya, dan kita meminjamnya kerana bidang tersebut lahir dari sana. Tetapi mengapa diubah istilah-istilah Melayu yang memang sedia ada dan telah digunakan secara selesa semenjak berkurun lamanya?

Mengapa 'karangan' digantikan dengan 'esei', 'maklumat' digantikan dengan 'informasi', 'santai' digantikan dengan 'kasual', 'sebenarnya' ditukar kepada 'aktual'; 'piala' menjadi 'trofi', 'kebangsaan' menjadi 'nasional', 'belanjawan' menjadi 'bajet', 'iklan' menjadi 'advertisyen', 'sifatkata' menjadi 'adverba' dan banyak lagi contoh-contoh lain.

Mengapa terlalu cenderung untuk meminjam terus dari istilah-istilah barat walhal istilah-istilah Melayunya sudah ada untuk sekian lama, mengapa di 'Inggerisasi' dan dibarat-baratkan istilah-istilah Melayu yang sudah wujud beratus-ratus tahun dahulu, yang mana dari zaman nenek-moyang sehingga pada generasi kita masih tetap selesa menggunakan istilah-istilah tersebut? Kalau iya pun hendak meminjam, ambil sahajalah istilah-istilah yang belum ada seperti istilah-istilah sains dan komputer maklumat, yang sudah ada mengapa tidak dibiarkan sahaja?

Mengapa kita tidak boleh menjadi masyarakat Melayu moden yang pintar, canggih, mesra sains dan teknologi namun tetap mengamalkan ajaran-ajaran Islam, memelihara nilai-nilai Islam dan kemelayuan yang bersifat mutlak seperti bersolat dan berpuasa fardhu serta beramal sunnat dalam apa jua masa, tempat dan waktu, bersopan santun, beradab, beradat, berhikmah, menghormati orang tua-tua, merendah diri, bersabar, bertulus dan sebagainya?

Mengapa kita sentiasa mengaitkan kehidupan canggih dan moden dengan nilai-nilai yang tidak mesra Islam dan mesra Melayu? Mengapa kita malu dengan nilai-nilai Islam dan kemelayuan apabila berhadapan dengan kelompok-kelompok moden dan canggih, yang Islam mahupun yang bukan Islam, seolah-olah Islam dan aspek-aspek kemelayuan tidak layak untuk dibawa ke hadapan mereka?

Mengapa kita tidak mahu mengambil amalan-amalan masyarakat Melayu tradisional dan mengadaptasikan mengikut kesesuaian zaman tanpa menghilangkan unsur-unsur baiknya (makruf) yang bersifat mutlak?

Kesimpulannya;

Dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu hari ini, kita seharusnya tidak keliru tentang mana nilai-nilai atau unsur-unsurnya yang bersifat mutlak dan yang mana bersifat relatif. Kita bukan sahaja perlu memisahkan diantara keduanya, malahan memastikan walau apapun, manifestasi atau relativismenya adalah tetap bersandarkan kepada nilai atau unsur yang mutlak.

Contohnya, pakaian wanita Melayu seharusnya memenuhi unsur mutlak iaitu bersifat menutup aurat dan bersopan. Oleh itu seseorang wanita Melayu tidak semestinya memakai baju kurung sepanjang masa, tetapi busananya boleh disesuaikan mengikut tempat dan keadaan. Malahan pereka-pereka fesyen boleh

berkreatif dalam mengketengahkan fesyen-fesyen baru untuk wanita-wanita Melayu mengikut keadaan zaman, kesesuaian tempat, keselesaan dan sebagainya, **asal sahaja fesyen tersebut tetap bersandarkan unsur yang mutlak, iaitu memenuhi tuntutan syariat (menutup aurat) dan bersopan. Dan sebagai melambangkan identiti Melayu, direka busana tersebut dengan memasukkan corak kesenian Melayu.**

Pencabulan unsur-unsur teras pada pengamalan-pengamalan masyarakat Melayu di tanah air kita dewasa ini perlu diambil perhatian siriis dan ditangani sebaik mungkin. Jikalau teras-teras yang seharusnya bersifat mutlak kepada bangsa ini terus-menerus dibiarkan dirobek-robek sepertimana yang mula berlaku sejak akhir-akhir ini, maka di masa-masa yang akan datang, bolehkah lagi takrifan Melayu terus-menerus dikelaskan sebagai *'beragama Islam, beradat Melayu dan berbahasa Melayu'*, sedangkan realitinya sebilangan orang-orang Melayu sudah menjadi murtad, mengamalkan adat-istiadat Barat dan lebih selesa berbahasa yang lain daripada bahasa ibunda?

Hal ini sememangnya sudah berlaku di negara jiran kita, apakah golongan mereka masih boleh dikategorikan sebagai orang-orang Melayu? Dan jikalau mereka bukan lagi bangsa Melayu, bangsa apakah mereka? Apakah istilah Melayu perlu ditakrif semula bagi memberi ruang kepada orang-orang seperti ini?? *Nauzubillahiminzalik...*

Maka tidak kesampaianlah doa dan harapan Dato' Laksamana Hang Tuah agar *'Takkan Melayu Hilang di Dunia'*, ironisnya kenyataan Dato' Onn Jaffar pula yang menjadi realiti, iaitu *"Apakah nama rupa bangsa Melayu, cicak, mengkarung atau naga?"*

Barang dijauhkan Allah tragedi ini menimpa bangsa bertuah ini, kerana nenek-moyang kita sangat memelihara identiti Melayu yang berjiwa Islam dan berperadaban tinggi, malulah kita sebagai anak-cucu mereka tidak mampu mengekal, memelihara dan mempertahankan identiti yang murni ini, apa yang hendak dijawab di hadapan mahkamah Allah SWT nanti??

Intaha
TSTHO

